



PERUTUSAN
YBHG. DATO' Ir. Ts. HAJI MASRI BIN BAHARUDDIN
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.8/2026
PADA 26 OGOS 2026 (RABU) JAM 9.30 PAGI

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera. Salam Seremban Mampan Bersih Sejahtera. Salam Malaysia MADANI.

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha, barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pegawai - pegawai, rakan media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.
2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB:
 - I. YB Dato' Seri Utama Mohammad bin Hassan, ADUN Rantau, Ahli Parlimen Rembau;
 - II. YB Puan Siti Nur Umaira binti Hasim, ADUN Labu;
 - III. YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin, ADUN Lenggeng;
 - IV. YB Datuk Razali bin Abu Samah, ADUN Sikamat;
 - V. YB Dato' Dr Mohamad Rafie bin Abdul Malek, ADUN Ampangan;
 - VI. YB Tuan Haji Kamarol Ridzuan bin Mohd Zain, ADUN Paroi
3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Ilahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan

sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Pertama sekali, di pentas Mesyuarat Majlis Penuh MBS yang mulia ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan selamat menjalankan amanah kepada YAB Dato' Haji Ismail bin Lassim atas pelantikan sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan. Tahniah juga saya ucapkan kepada barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan serta Ahli Dewan Undangan Negeri Sembilan yang telah menerima mandat rakyat melalui sistem demokrasi untuk terus memimpin dan mencorakkan pembangunan Negeri Sembilan. Semoga amanah dan tanggungjawab yang diberikan ini dapat dilaksanakan dengan penuh integriti, kebijaksanaan dan komitmen demi kesejahteraan rakyat serta kemajuan Negeri Sembilan Darul Khusus.
5. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada YB Datuk Seri Dr. Awaludin bin Said atas pelantikan sebagai Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Sembilan dan YB Tuan Haji Kamarol Ridzuan bin Mohd Zain, ADUN Paroi sebagai Timbalan Speaker. Dalam kesempatan ini juga, saya ingin menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada barisan pimpinan Kerajaan Negeri terdahulu yang diketuai oleh YB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun, Mantan Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, atas

segala jasa, khidmat bakti dan sumbangan yang telah dicurahkan sepanjang menerajui pentadbiran Negeri Sembilan.

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

6. Peralihan kepimpinan merupakan suatu proses penting dalam memastikan kesinambungan pentadbiran dan pembangunan negeri dapat terus diperkukuh. Justeru, saya percaya bahawa dengan kepimpinan baharu yang telah diberikan mandat, serta sokongan berterusan daripada seluruh jentera pentadbiran Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan, agenda pembangunan Negeri Sembilan akan dapat diteruskan dengan lebih tersusun, inklusif dan berimpak tinggi.
7. Dalam konteks ini, Majlis Bandaraya Seremban sentiasa bersedia untuk memberikan kerjasama dan komitmen sepenuhnya dalam menjayakan setiap dasar, perancangan serta agenda pembangunan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. MBS akan terus memainkan peranan sebagai rakan strategik Kerajaan Negeri dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat sentiasa berada pada tahap yang terbaik, di samping memperkukuh usaha membangunkan Seremban sebagai sebuah bandar raya yang pintar, mampan, bersih dan berdaya saing.
8. Saya yakin, dengan semangat kerjasama yang erat antara Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan, agensi-agensi kerajaan serta

seluruh masyarakat, kita mampu membina sebuah Negeri Sembilan yang lebih maju, sejahtera dan mempunyai daya saing yang tinggi. Yang lebih penting, segala usaha dan pembangunan yang dilaksanakan hendaklah sentiasa berpaksikan kepentingan serta kesejahteraan rakyat.

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

9. Saya juga ingin mengupas, ucapan YAB Menteri Besar Negeri Sembilan bersempena dengan Sempena Perhimpunan Penjawat Awam Dan Pelancaran Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Sembilan 2026 pada 14 Ogos 2026 (Jumaat) lalu. Ucapan yang disampaikan oleh beliau amat tuntas dan saya akan kongsi beberapa intipati penting iaitu: Slogan **Kestabilan, Kemajuan dan Kemakmuran** adalah slogan pentadbiran kerajaan baru. Melalui slogan baru ini seluruh warga MBS perlu bergerak dengan satu matlamat dan satu tekad untuk membina sebuah Bandaraya Seremban berdasarkan prinsip di atas.
10. **STABIL** bukan sekadar bermaksud bandar kita berada dalam keadaan aman dan teratur. Stabil bermaksud kita mempunyai pentadbiran yang profesional, sistem penyampaian yang konsisten, dasar yang jelas serta sebuah organisasi yang mempunyai integriti dan mendapat kepercayaan rakyat.
11. Saya mahu setiap warga MBS memahami bahawa setiap tindakan kita mesti berpandukan undang-undang, peraturan, prosedur dan

kepentingan awam. Kita perlu membina sebuah organisasi yang boleh dipercayai. Kerana saya percaya, kepercayaan rakyat tidak boleh dibina melalui slogan semata-mata. Kepercayaan dibina melalui tindakan, prestasi dan pengalaman rakyat ketika berurusan dengan kita.

12. Seterusnya, kita mahu Seremban terus **MAJU**. Kemajuan sesebuah bandaraya tidak boleh hanya diukur melalui jumlah bangunan tinggi, projek pembangunan atau nilai pelaburan semata-mata. Bandaraya yang maju ialah bandaraya yang mampu menyediakan peluang ekonomi, menarik pelaburan berkualiti, menyokong usahawan dan peniaga, menyediakan infrastruktur yang baik, menggunakan teknologi secara berkesan serta memberikan perkhidmatan kerajaan yang pantas dan cekap.
13. Kita mahu Seremban menjadi sebuah bandaraya yang mudah didiami, mudah menjalankan perniagaan dan mudah berurusan dengan kerajaan. Pada masa yang sama, pembangunan perlu dilaksanakan secara seimbang. Kita tidak mahu kemajuan hanya dirasakan oleh kawasan tertentu sahaja. Kawasan perumahan, kampung, kawasan pinggir bandar, kawasan komersial dan komuniti setempat semuanya mesti diberikan perhatian.
14. Tunjang ketiga ialah **MAKMUR**. Kemakmuran bandar bukan hanya mengenai peningkatan hasil atau jumlah projek pembangunan. Kemakmuran sebenar ialah apabila rakyat dapat merasai perubahan dalam kehidupan seharian mereka. Apabila jalan lebih baik, kawasan

lebih bersih, persekitaran lebih selamat, perkhidmatan lebih pantas, aduan diselesaikan dan urusan dengan kerajaan menjadi lebih mudah, maka pada ketika itulah pembangunan mempunyai makna kepada rakyat.

15. Inilah makna kemakmuran yang perlu kita terjemahkan melalui perkhidmatan MBS. Namun begitu, untuk mencapai tiga matlamat ini, kita tidak boleh hanya bergantung kepada dasar dan perancangan. Dalam usaha mencapai matlamat tersebut juga, budaya kerja cemerlang menuntut untuk kita amalkan pada setiap masa. Berikut merupakan budaya yang digariskan oleh YAB Menteri Besar di dalam pelaksanaan budaya cemerlang.

PERTAMA : BUDAYA MENYELESAIKAN MASALAH

16. Apabila rakyat datang membawa masalah, jangan terlalu cepat mengatakan "*tidak boleh*" Sebaliknya, kita perlu bertanya: "*Bagaimana kita boleh melaksanakan perkara ini mengikut lunas undang-undang?*" Saya tidak mahu budaya kerja yang hanya mencari sebab mengapa sesuatu perkara tidak boleh dilakukan. Saya mahu kita mencari jalan bagaimana sesuatu perkara boleh dilaksanakan dengan betul, sah dan bertanggungjawab.

KEDUA : BUDAYA KEPANTASAN

17. Masa rakyat amat berharga. Masa peniaga, usahawan dan pelabur juga amat berharga. Oleh itu, kita perlu sentiasa melihat semula

proses kerja kita. Kita perlu bertanya, adakah sesuatu proses itu benar-benar diperlukan? Adakah ia masih relevan? Adakah terdapat proses yang boleh dipermudahkan tanpa menjejaskan undang-undang, integriti dan kepentingan awam? Jika boleh dipermudahkan, maka permudahkanlah. Saya mahu MBS dikenali sebagai sebuah organisasi yang pantas, responsif dan mudah berurusan.

KETIGA, BUDAYA KERJASAMA

18. Rakyat tidak melihat sempadan antara jabatan, bahagian atau unit. Apabila rakyat mempunyai masalah, mereka melihat kita sebagai MBS. Maka budaya bekerja secara silo perlu kita tinggalkan. Kita perlu berkongsi maklumat, berkongsi kepakaran dan bekerjasama dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Masalah rakyat adalah masalah kita bersama.

KEEMPAT, KEBERANIAN MEMBUAT KEPUTUSAN.

19. Tidak semua keputusan adalah mudah dan tidak semua keputusan akan mendapat sokongan semua pihak. Namun, selagi keputusan dibuat berdasarkan fakta, undang-undang, integriti dan kepentingan awam, kita perlu mempunyai keberanian untuk membuat keputusan. Saya mahu warga MBS menjadi penjawat awam yang profesional, berkeyakinan dan berani melaksanakan amanah.

KELIMA, BUDAYA PEMBELAJARAN DAN INOVASI.

20. Dunia telah berubah. Cara rakyat mendapatkan maklumat telah berubah. Cara rakyat membuat aduan telah berubah. Cara rakyat berkomunikasi dengan kerajaan juga telah berubah. Maka cara kita bekerja juga mesti berubah. Pendigitalan, teknologi, analitik data, kecerdasan buatan, media sosial dan pendekatan baharu perlu dimanfaatkan untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan. Kita tidak boleh menyelesaikan masalah tahun 2026 dengan cara kerja tahun 2006.
21. Melalui 5 budaya yang diterapkan ini, maka kita dapat lahirkan warga kerja yang kompeten, berdaya saing dan professional dalam mendepani cabaran-cabaran perbandaran yang lebih kompleks untuk masa akan datang.

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KEWANGAN

22. Sehingga 23 Ogos 2026, prestasi kutipan Cukai Taksiran Majlis Bandaraya Seremban adalah seperti berikut:-
- I. 85% bil semasa 2026 (147.68j)
Prestasi= RM128.41j (73.91%)
 - II. 30% Tunggakan (RM28.97j)
Prestasi=RM14.04j (14.54%)
 - III. 100% Bajet Cukai (RM167j)
Prestasi = RM132.44j (79.31%)

IV. 100% Terimaan Hasil (RM257.5j)
Prestasi= RM194.31j (75.46%)

V. Belanja Mengurus (RM256.88j)
=RM161.41j (62.84%)

VI. Belanja Pembangunan (RM13.70j)
=RM8.09j (59.04%)

23. Manakala ketimbang pada 24 Ogos 2025 adalah seperti di paparan. Perkara ini mencerminkan selaras dengan tema Belanjawan MBS 2026, iaitu ***“Membangun Bersama, Berkongsi Hasilnya”***

24. Selain itu, untuk makluman ahli mesyuarat sekalian, sepanjang bulan Julai Jabatan Kewangan MBS telah mengadakan operasi kutipancukai taksiran dari pintu ke pintu di beberapa taman perumahan seperti

- I. Taman Bandar Seremban Selatan
- II. Taman Hijayu 2
- III. Taman Timur Enstek
- IV. Taman Seremban Jaya
- V. Taman Suriaman 2
- VI. Taman Pinggiran Bayu

25. Hasil daripada aktiviti operasi kutipan yang dijalankan ini berjaya menghasilkan kutipan berjumlah **RM32,521.60** daripada **76 bilangan akaun.**

26. Selain itu juga, hasil Pembukaan Kaunter Bergerak pembayaran cukai taksiran dan kompaun di program-program sekitar Seremban pada

hari Sabtu dan Ahad MBS berjaya mengutip sebanyak **RM150,828.80** daripada **762 bilangan akaun** yang membuat bayaran.

SUMBER : JABATAN KEWANGAN

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

27. Sehingga 31 Julai 2026, MBS telah menjalankan aktiviti ;

- Kawalan *fogging* di **20,432** buah premis
- *ULV* di **38,097** buah premis
- *Larvaciding dan Source reduction* di **263** lokaliti
- Gotong royong di **81** buah taman

28. Selain itu, laporan bagi tanah perkuburan di bawah seliaan MBS sepanjang bulan Julai 2026 mencatatkan;

a) Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2

63 pengebumian jenazah

b) Tanah Perkuburan Islam Ainsdale

16 pengebumian jenazah

c) Tanah Perkuburan Kristian Sendayan

6 pengebumian

d) Tanah Perkuburan Islam Nilai yang dibuka pada 15 April 2022, sehingga kini masih tiada jenazah yang dikebumikan di tanah perkuburan ini.

29. Selain itu, untuk makluman ahli mesyuarat sekalian kutipan barang-barang kitar semula bagi bulan Julai 2026 di Pusat Pandu Lalu KITAREcycle Wisma MBS dan Cawangan Nilai merekodkan jumlah sebanyak **35,636.5 kilogram**. Jumlah kutipan ini menunjukkan komitmen berterusan MBS dalam menggalakkan amalan kitar semula dalam kalangan masyarakat, di samping menyokong usaha mengurangkan jumlah sisa yang dihantar ke tapak pelupusan serta memupuk kesedaran terhadap kepentingan pengurusan sisa secara mampan.

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

30. Alhamdulillah, Majlis Bandaraya Seremban telah memperoleh Tahap 5 Bintang dengan markah keseluruhan 97% bagi Penarafan Bintang Audit Teknikal PBAT Kesihatan Persekitaran tahun 2026, sekali gus menepati KPI 5 Bintang yang ditetapkan bagi kategori Majlis Bandaraya. Pencapaian ini mencerminkan komitmen dan kesungguhan jabatan dalam memastikan pengurusan serta penyampaian perkhidmatan kesihatan persekitaran dilaksanakan dengan baik dan mematuhi standard yang ditetapkan.
31. Dalam masa yang sama terdapat sedikit perkara yang dikenal pasti melalui audit masih boleh ditambah baik, antaranya keperluan

memastikan anggota yang terlibat mengikuti kursus-kursus yang dianjurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) atau agensi lain berkaitan aktiviti kesihatan persekitaran.

32. Selain itu, Pada 10 Ogos 2026, Majlis Bandaraya Seremban telah menerima *Public Service Excellence Recognition* sempena Persidangan Tahunan 2026 anjuran *Waste Management Association of Malaysia* (WMAM) yang berlangsung di Genting International Convention Centre (GICC), Genting Highlands, Pahang. Persidangan tahun ini bertemakan "*Circular Transformation: Waste to Value*", yang memberi penekanan kepada transformasi pengurusan sisa daripada suatu beban kepada sumber yang mempunyai nilai melalui pendekatan inovasi, teknologi dan kelestarian.
33. Pengiktirafan ini menjadi pemangkin kepada MBS untuk terus memperkasakan pengurusan sisa pepejal serta menjalin kerjasama strategik ke arah mewujudkan bandaraya Seremban yang lebih bersih, mampan dan berdaya huni.

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PROGRAM PEMBERIAN INSENTIF PENYERAHAN ANJING TERBIAR SECARA SUKARELA 2026

34. Susulan hebahan Program Pemberian Insentif Penyerahan Anjing Terbiar Secara Sukarela 2026 oleh MBS yang tular sejak dua minggu lalu, MBS ingin menegaskan bahawa program ini merupakan salah

satu usaha tambahan bagi menangani isu anjing terbiar susulan peningkatan jumlah aduan awam yang diterima. Program ini dilaksanakan bagi membantu mengawal populasi anjing terbiar demi keselamatan dan kepentingan awam.

35. Kerajaan negeri telah menyambut baik usaha MBS ini sebagai langkah proaktif mengawal populasi anjing terbiar di daerah Seremban. YAB Dato' Haji Ismail bin Haji Lasim, Menteri Besar Negeri Sembilan, menyatakan usaha MBS melaksanakan program anjing terbiar ini dibuat berdasarkan keperluan iaitu jika terlalu banyak anjing terbiar dan boleh membahayakan orang ramai termasuk mengancam keselamatan serta boleh menyebabkan kemalangan jalan raya, ia sewajarnya diambil tindakan demi kepentingan dan keselamatan rakyat.
36. Dari sudut hukum pula, Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Faudzinain bin Haji Badarudin, Mufti Negeri Sembilan, turut menjelaskan bahawa usaha tersebut dibolehkan demi menjaga kemaslahatan masyarakat dan menghilangkan mudarat, asalkan dilaksanakan secara ihsan dan tidak menyiksa haiwan.
37. Pada masa yang sama, program ini bukan merupakan satu-satunya kaedah kawalan yang dilaksanakan MBS. MBS turut menjalankan penangkapan dan pengurusan anjing terbiar melalui kontraktor yang dilantik mengikut SOP KPKT, selain penguatkuasaan pelesenan anjing, pemilikan bertanggungjawab, program pemandulan, program microchipping serta kerjasama dengan agensi berkaitan.

38. Dalam memastikan program ini dilaksanakan secara teratur dan tidak disalahgunakan, MBS turut menetapkan syarat dan mekanisme kawalan yang mengambil kira aspek kebajikan haiwan, selaras dengan **Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772)** dan panduan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS). Insentif ini bukan kebenaran untuk mengambil, mencuri atau menangkap anjing yang mempunyai pemilik, manakala anjing yang berlesen, mempunyai tanda pengenalan atau bukti pemilikan tidak layak untuk tuntutan. MBS akan terus memantau pelaksanaan program, menambah baik syarat dan mekanisme sekiranya diperlukan serta mengalu-alukan pandangan dan cadangan daripada Kerajaan Negeri, agensi berkaitan dan masyarakat bagi memastikan isu anjing terbiar ditangani secara berkesan, berperikemanusiaan dan bertanggungjawab.

SUMBER : JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN PELESENAN & PEMBANGUNAN USAHAWAN

39. Bagi memperkasakan urusan pelesenan, pembukaan kaunter bersepadu bagi sesi konsultasi permohonan lesen perniagaan telah diadakan pada 28 Julai 2026 dari jam 9.00 Pagi hingga 4.00 Petang di lobi Wisma MBS melibatkan pegawai-pegawai dari abatan Pelesenan & Pembangunan Usahawan, Jabatan Perancangan Pembangunan, Jabatan Kawalan Bangunan dan Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan. Perkara ini, akan diteruskan lagi pada masa akan datang setiap bulan sekali iaitu pada 27 Ogos, 29 September, 27 Oktober, 24 November dan 22 Disember 2026.

40. Inisiatif ini merupakan salah satu usaha MBS untuk memudahkan orang awam dan para usahawan mendapatkan khidmat nasihat serta penjelasan berkaitan prosedur dan keperluan permohonan lesen perniagaan secara terus di satu lokasi. Pelaksanaan kaunter bersepadu ini juga diharapkan dapat mempercepatkan proses penyampaian perkhidmatan, mengurangkan kekeliruan pemohon serta memastikan setiap permohonan dapat dikemukakan dengan lebih teratur dan lengkap.

SUMBER : JABATAN PELESENAN & PEMBANGUNAN USAHAWAN

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN UNDANG-UNDANG & PENGUATKUASAAN

41. Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan, MBS telah mengambil tindakan penguatkuasaan kompaun mulai 1 Januari hingga 13 Ogos 2026. Pengeluaran kompaun dan amaun adalah seperti berikut;

RINGKASAN PENGELUARAN KOMPAUN MENGIKUT AKTA BERDASARKAN TARIKH 01/01/2026 HINGGA 13/08/2026		
JUMLAH BILANGAN KOMPAUN	356,935	
NILAI AMAUN	RM20,366,870.00	
BILANGAN KOMPAUN BERBAYAR	138,453	38.8%
NILAI AMAUN BERBAYAR	RM2,517,711.08	12.3%

42. Untuk makluman, sebanyak **26,441 kompaun** telah dikeluarkan dan sebanyak **2,533 kertas siasatan** telah dibuka sehingga 31 Julai 2026 ini.

SUMBER : JABATAN UNDANG-UNDANG & PENGUATKUASAAN

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN TAMAN & LANDSKAP

43. Jabatan Taman dan Landskap MBS terus mempergiatkan rondaan dan pemantauan di taman-taman awam sekitar Bandar Seremban, khususnya di Taman Tasik Seremban, Taman Budaya dan Taman Malaysia. Tindakan ini dilaksanakan bagi memastikan aspek keselamatan, kebersihan dan ketenteraman sentiasa terpelihara, di samping memastikan pematuhan orang awam terhadap peraturan penggunaan taman.
44. Dalam masa yang sama, tindakan penguatkuasaan turut dilaksanakan terhadap kesalahan seperti vandalisme, parkir di kawasan larangan, pembuangan sampah dan lain-lain kesalahan di bawah bidang kuasa Jabatan Taman dan Landskap. Sebanyak, 18 Kompaun dikeluarkan pada bulan julai terdiri daripada 11 kompaun kenderaan dan 7 kompaun memancing. Saya berharap penguatkuasaan yang dilaksanakan secara berterusan ini dapat meningkatkan tahap kesedaran dan pematuhan masyarakat, sekali gus memastikan taman-taman awam MBS kekal bersih, selamat, teratur dan selesa untuk dinikmati oleh seluruh warga Seremban.

SUMBER : JABATAN TAMAN & LANDSKAP

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN UNIT COB

45. Untuk makluman Ahli-ahli Majlis sekalian, Seminar Pengurusan Strata Siri 1/2026 telah diadakan pada 11 Ogos 2026 di Bilik Waris Klana di Hulu, MBS dan telah dirasmikan oleh Setiausaha MBS, YBrs. Ir. Ts. Br. Mohd Kamal bin Mohd Yusof. Seminar ini melibatkan seramai 50 peserta yang terdiri daripada Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JMB) dan Badan Pengurusan Bersama (MC).
46. Seminar ini bertujuan memberikan penerangan berkaitan tatacara pengendalian mesyuarat agung selaras dengan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757), di samping meningkatkan kefahaman berkaitan perancangan kewangan tahunan dan penetapan kadar caj penyenggaraan yang bersesuaian. Saya berharap program seperti ini dapat memperkukuh keupayaan JMB dan MC dalam mengurus serta menyelenggara skim strata secara lebih cekap, teratur dan berkesan demi keselesaan serta kesejahteraan para penghuni.

SUMBER : UNIT COB

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

47. Untuk makluman ahli mesyuarat sekalian, pada 10 hingga 14 Ogos 2026 lalu, saya bersama Ts. Farah Saffarizan binti Mohd Esa, Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta pegawai-pegawai MBS telah menghadiri Sesi Latihan Pengurusan dan Pengendalian Rangkaian serta Lawatan Rasmi ke Badung Command Center, Bali, Indonesia. Latihan ini dilaksanakan bagi meningkatkan kepakaran dan pendedahan teknologi dalam kalangan pegawai

teknikal MBS agar sentiasa selaras dengan keperluan operasi dan perkembangan teknologi semasa.

48. Dalam masa yang sama, lawatan rasmi ke Badung Command Center memberi peluang kepada MBS untuk berkongsi informasi dan amalan terbaik berkaitan teknologi maklumat serta meninjau sendiri pengoperasian pusat kawalan bersepadu di wilayah tersebut. Delegasi MBS telah disambut oleh pihak tuan rumah dari Pusat Pemerintahan Kabupaten Badung yang diketuai oleh Bapak Bupati, Bpk. I Wayan Adi Arnawa bersama Bapak Kepala Diskominfo, Bpk. I Ketut Gede Arta.
49. Lawatan kerja ke Bali memberi perspektif baharu apabila bandar tersebut memiliki 700unit CCTV, berbanding hanya 80 unit di Seremban buat masa ini. Sebagai langkah penambahbaikan pada masa akan datang, MBS akan memperluas dan memperkasakan kemudahan pemantauan CCTV ini khusus untuk meningkatkan kesejahteraan dan keselamatan warga bandar raya Seremban. Besar harapan saya agar jalinan kerjasama serta perkongsian ilmu ini dapat dimanfaatkan untuk melonjakkan keupayaan digital MBS, selaras dengan aspirasi melestarikan Seremban sebagai Bandar Raya Pintar, Mampan, Bersih dan Berdaya Saing.

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

50. Selain itu, telah diadakan Bengkel Kajian Keperluan Bisnes (BRS) bagi pembangunan Aplikasi Pintar Bersepadu berasaskan Artificial Intelligence (AI) bagi Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan MBS –

Fasa Super Mobile App myMBS yang melibatkan 19 orang ahli jawatankuasa Teknikal Projek.

51. Bengkel ini menetapkan perincian keperluan fungsi dan teknikal untuk komponen Super Mobile App myMBS bagi memastikan aplikasi yang dibangunkan memenuhi keperluan dan aliran kerja jabatan serta meningkatkan kecekapan dan kualiti penyampaian pelanggan MBS.

SUMBER : JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN PENGURUSAN KUALITI & STRATEGIK

52. Jabatan Pengurusan Kualiti dan Strategik telah mengadakan Bengkel Dokumentasi MS ISO 9001:2015 Majlis Bandaraya Seremban 2026 pada 6 hingga 8 Ogos 2026. Bengkel ini bertujuan meningkatkan kefahaman dan pelaksanaan MS ISO 9001:2015 serta memberi pendedahan berkaitan pindaan standard yang dijangka berkuat kuasa pada September 2026. Pada masa yang sama sebagai langkah persediaan Audit Pemantauan kali ke-2 pada 18 dan 19 November 2026 akan datang.
53. Selain itu, bagi meningkatkan kefahaman dan pemahaman pegawai terhadap pelaksanaan Pelan Strategik 2026–2030 Majlis Bandaraya Seremban (MBS), pegawai JPKS telah menghadiri Bengkel Pemikiran, Pembangunan dan Pengurusan Strategik khususnya berkaitan keperluan pemantauan, penilaian dan pelaporan pencapaian pelan strategik bagi memastikan pelaksanaannya dapat diselaraskan secara berkesan, sistematik dan teratur.

54. Melalui bengkel ini, pegawai memperoleh pemahaman yang lebih jelas mengenai kaedah pelaksanaan, pemantauan, penilaian dan pelaporan pencapaian Pelan Strategik 2026–2030 MBS. Pengetahuan dan pendedahan yang diperoleh dapat membantu meningkatkan kecekapan pegawai dalam menyelaraskan serta memastikan pelaksanaan inisiatif strategik di peringkat jabatan dan unit dilaksanakan secara lebih terancang, berkesan dan selaras dengan hala tuju MBS.

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

55. Untuk makluman ahli mesyuarat sekalian, seramai enam puluh (60) orang pegawai dan kakitangan MBS telah menghadiri Bengkel Pengurusan Aduan Bersama Penyelia dan Penyiasat Jabatan Majlis Bandaraya Seremban bersama Biro Pengaduan Awam Melaka & Negeri Sembilan untuk memberikan pendedahan kepada peserta dalam tatacara pengurusan aduan, termasuk proses penerimaan, penyiasatan, tindakan susulan, dan maklum balas penyelesaian aduan kepada pengadu
56. Peserta dilatih untuk memahami fungsi dan ciri-ciri Sistem Pengurusan Pengaduan Aduan Awam (SISPAA) yang digunakan oleh agensi kerajaan dalam menguruskan aduan awam. Melalui pelaksanaan bengkel ini, para peserta telah memperoleh pengetahuan dan pemahaman yang lebih menyeluruh berkaitan menguruskan aduan awam secara lebih efektif dan efisien melalui penggunaan SISPAA selaras dengan prosedur yang ditetapkan. Pada masa yang sama,

bengkel ini turut menyumbang kepada peningkatan kecekapan dalam penyelesaian aduan serta penerapan tatacara yang profesional dan berhemah ketika memberikan maklum balas kepada pengadu.

SUMBER : JABATAN PENGURUSAN KUALITI & STRATEGIK

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT & PELANCONGAN

57. Untuk makluman ahli mesyuarat sekalian, pada 30 Julai 2026 yang lalu, MBS melalui Jabatan Pembangun Masyarakat & Pelancongan telah melaksanakan Lawatan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di Kampung Panchor susulan kejadian kebakaran rumah yang melibatkan seorang warga emas, Encik Muhamad bin Haron, 76 tahun. Alhamdulillah, tiada kemalangan jiwa dilaporkan dalam kejadian tersebut. Sebagai tanda keprihatinan dan sokongan pegawai MBS telah hadir untuk menziarahi mangsa serta menyampaikan sumbangan berupa selimut tebal (toto) dan beberapa keperluan lain.

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

58. Untuk makluman, Kejohanan Bola Jaring Terbuka Piala Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban 2026 telah berlangsung pada 8 dan 9 Ogos 2026 di Kompleks Sukan Negeri, Paroi. Kejohanan ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan penyertaan 27 pasukan dari dalam dan luar Negeri Sembilan, sekali gus

menunjukkan minat yang tinggi terhadap pembangunan sukan khususnya bola jaring.

59. Saya berharap penganjuran kejohanan seperti ini dapat terus diperkasakan sebagai platform untuk membudayakan gaya hidup sihat, mencungkil bakat baharu serta memupuk semangat kesukanan, disiplin, daya saing dan setiakawan dalam kalangan masyarakat. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua pasukan yang mengambil bahagian, khususnya pasukan **MJL dari Kuala Lumpur** yang muncul sebagai juara. Penghargaan juga saya rakamkan kepada semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan kejohanan ini.

SUMBER : JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT & PELANCONGAN

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KAWALAN BANGUNAN

60. Pada 4 Ogos 2026 lalu, Program GoGreen MBS 2026 “Kenali Senibina Hijau” sesi pertama telah dijalankan melibatkan penyertaan pelajar dari SMK Puteri, Seremban. Program GoGreen pada kali ini membawa pelajar ke Bangunan Ajinomoto, Enstek bagi memberi pendedahan kepada pelajar mengenai konsep pembangunan lestari serta amalan senibina hijau melalui pengalaman pembelajaran di luar bilik darjah. Setinggi penghargaan kepada rakan strategik iaitu Green Building Index (GBI) dan Ajinomoto (Malaysia) Berhad atas kerjasama menjayakan program ini.

61. Sesi kedua program iaitu Sesi Penilaian juga telah dijalankan di SMK Puteri, Seremban pada 19 Ogos 2026 dimana pegawai-pegawai daripada Jabatan Kawalan Bangunan telah hadir untuk mendengar, melihat dan menilai persembahan serta hasil kerja pelajar. Pelajar telah dibahagikan kepada 5 kumpulan sebelum ini untuk menyiapkan tugas. Semua pelajar telah membentangkan hasil tugas mereka dan 3 kumpulan terbaik telah dipilih pada sesi penilaian ini.
62. Majlis Penutup Program GoGreen “Kenali Senibina Hijau” ini akan diadakan pada 14 September 2026 di SMK Puteri, Seremban dimana 3 kumpulan terbaik akan membentangkan persembahan hasil kerja mereka di hadapan saya.
63. MBS sangat komited dalam memupuk kesedaran dan tanggungjawab terhadap kelestarian alam sekitar kepada kalangan generasi muda, selaras dengan aspirasi menjadikan bandaraya hijau, mampan dan sejahtera.

SUMBER : JABATAN KAWALAN BANGUNAN

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

64. Untuk makluman ahli mesyuarat sekalian, MBS telah mengambil bahagian dalam Seminar Antarabangsa Green Cities Mayors Council (GCMC) IMT-GT 2026 yang berlangsung pada 4 hingga 6 Ogos 2026 di Pangeran Hotel, Pekanbaru, Indonesia, bertemakan “Green City for Sustainable Development”. Saya telah diwakili oleh TPr. Hj. Nazri bin

A. Ghani dalam seminar yang menghimpunkan pihak berkuasa tempatan serta pelbagai agensi dari Malaysia, Indonesia dan Thailand bagi berkongsi pendekatan terbaik ke arah pembangunan bandar yang mampan, berdaya tahan dan berdaya saing.

65. Antara perkongsian yang diketengahkan termasuk Green Policing, strategi pembandaran mampan ASEAN oleh UN-Habitat, tindakan bandar terhadap perubahan iklim oleh IGES, kerjasama sub-serantau IMT-GT serta pembiayaan hijau. Mesyuarat Antarabangsa GCMC IMT-GT turut membincangkan kemajuan pelaksanaan Sustainable Urban Development Framework (SUDF) Fasa II 2024–2028 yang meliputi pengangkutan, pengurusan sisa pepejal, tenaga, ekonomi kitaran, biodiversiti serta pendidikan untuk pembangunan mampan.
66. Lebih membanggakan, MBS telah melayakkan diri bagi Anugerah IMT-GT Green City Award dalam Kategori Education for Sustainable Development, dengan keputusan dijangka diumumkan pada September 2026. Pencapaian ini membuktikan komitmen berterusan MBS dalam memperkukuh agenda pendidikan dan kesedaran masyarakat berkaitan pembangunan mampan serta mengangkat usaha MBS ke peringkat serantau.
67. Saya berharap penyertaan MBS dalam platform antarabangsa seperti ini dapat terus memperkukuh jaringan kerjasama serantau, di samping membuka ruang kepada perkongsian ilmu, kepakaran dan amalan terbaik yang boleh disesuaikan di Bandar Raya Seremban. Usaha ini selaras dengan aspirasi MBS untuk membangunkan Bandar Raya

Pintar, Mampan, Bersih dan Berdaya Saing, serta menyokong agenda bandar rendah karbon dan pembangunan mampan demi kesejahteraan warga Seremban.

SUMBER : JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

PENUTUP

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA (HKHM) 2026

68. Kurang sahaja empat hari lagi, negara kita akan menyambut Hari Kebangsaan ke-69. Sambutan ini bukan sekadar acara tahunan, tetapi merupakan kesempatan untuk kita mengenang jasa dan pengorbanan generasi terdahulu serta menghargai nikmat keamanan, kemakmuran dan kebebasan yang kita kecapai pada hari ini. Semangat kemerdekaan ini perlu terus disemai dan dipupuk dalam diri setiap rakyat agar menjadi asas kepada pembinaan negara yang bersatu, harmoni dan sejahtera.
69. Sehubungan itu, saya menyeru kepada seluruh warga Seremban agar bersama-sama mempamerkan semangat patriotisme dengan mengibarkan Jalur Gemilang di rumah, premis perniagaan, kedai dan bangunan masing-masing. Pastikan Jalur Gemilang dikibarkan dengan betul, lengkap dan dalam keadaan baik sebagai tanda rasa bangga, cinta dan taat setia kita kepada negara. Sesungguhnya,

setiap kibaran Jalur Gemilang membawa makna besar sebagai lambang perpaduan dan kecintaan kita terhadap tanah air.

70. Dalam kita meraikan Hari Kebangsaan, marilah kita menjadikan sambutan ini sebagai wadah untuk memupuk perpaduan, mengeratkan silaturahim serta memperkukuh kekuatan ummah dan masyarakat tanpa mengira perbezaan kaum, agama dan latar belakang. Semangat ini juga perlu diteruskan dalam menyambut Hari Malaysia pada 16 September 2026, yang memperingati pembentukan Malaysia serta melambangkan kekuatan dan kesatuan rakyat Malaysia dalam membina sebuah negara yang berdaulat dan makmur.
71. Saya juga ingin menjemput seluruh warga Seremban untuk hadir beramai-ramai bersama keluarga dan sahabat-handai bagi memeriahkan Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Sembilan di Padang MBS. Marilah kita menjadikan sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia ini sebagai medan untuk menyemarakkan semangat cintakan negara, memperkukuh jati diri dan menyatukan hati seluruh rakyat Malaysia. Semoga semangat Malaysia MADANI terus membara dalam diri kita semua dan menjadi kekuatan untuk membina negara yang lebih maju, bersatu, makmur dan sejahtera.

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PENGHARGAAN KEPADA AHLI MAJLIS MBS

72. Kepada barisan Ahli-ahli Majlis Bandaraya Seremban yang saya hormati, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas segala jasa, komitmen dan khidmat bakti YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sepanjang bersama-sama MBS, sejak hari pertama mengangkat sumpah sehingga ke hari ini. Sepanjang tempoh tersebut, kita telah melalui pelbagai cabaran, perbincangan dan amanah bersama, namun semuanya telah dilaksanakan dengan semangat kebersamaan demi kepentingan serta kesejahteraan warga Seremban.
73. Dalam perkembangan semasa selepas Pilihan Raya Negeri (PRN) Ke-16 pada 2 Ogos yang lalu, kita memahami bahawa akan berlaku perubahan dan penyusunan semula dalam barisan kepimpinan serta Ahli-ahli Majlis di peringkat pihak berkuasa tempatan. Justeru, saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga atas setiap pandangan, teguran, idea dan sumbangan yang telah diberikan. Peranan Ahli-ahli Majlis amat diperlukan oleh MBS sebagai penghubung antara pihak Majlis dengan masyarakat, dan setiap sumbangan YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan telah membantu MBS dalam melaksanakan tanggungjawab serta memperkukuh penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.
74. Akhir kata, saya mendoakan agar segala jasa dan khidmat bakti yang telah dicurahkan bersama MBS menjadi satu catatan yang baik dan sentiasa dikenang. Sekiranya sepanjang kebersamaan kita terdapat sebarang kekurangan, kekhilafan atau keterlanjuran daripada pihak pengurusan dan warga kerja MBS, saya bagi pihak Majlis ingin

memohon maaf dan ampun dengan setulus hati. Selamat maju jaya saya ucapkan kepada YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan dalam apa jua amanah dan perjalanan yang bakal dilalui. Semoga terus diberikan kesihatan, kekuatan dan kejayaan, dan percayalah bahawa jasa serta sumbangan tuan-tuan dan puan-puan akan sentiasa dihargai dan dikenang oleh seluruh warga Majlis Bandaraya Seremban.

Sekian, Wabillah Wal Taufiq Wal Hidayah, Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

DATO' Ir. Ts. HAJI MASRI BIN BAHARUDDIN
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
26 OGOS 2026